

Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Kedua Sekolah Pegawai Kadet ABDB

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Kedua Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Perkhemahan Sungai Akar pada Hari Khamis, 28 Muharam 1431 / 14 Januari 2010

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya mengizinkan kita berhimpun di Upacara Sovereign's Parade bagi pengambilan kedua, Sekolah Pegawai Kadet, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Alhamdulillah, we thank Allah The Almighty for His blessings and grace in allowing us to gather at this Sovereign's Parade event for the 2nd intake of the Officer Cadet School of the Royal Brunei Armed Forces.

Upacara perbarisan ini adalah wadah perkembangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya dalam menanai aspirasi bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan transformasi institusi pertahanan negara yang ulung serta dinamik.

This parade is a result of developments in the Ministry of Defence and Royal Brunei Armed Forces particularly to uphold aspirations to raise the level of professionalism and transform the nation's eminent and dynamic defence institution.

Terlebih dahulu, saya merakamkan perasaan bangga menyaksikan perbarisan Pegawai-pegawai Kadet yang terdiri dari anak watan yang bakal menerajui kepimpinan serta kewibawaan organisasi ketenteraan kita.

I would firstly like to express my pride in witnessing the parade of Officer Cadets made up of our nation's youths who will become the future of leadership and authority in our military organisation.

Ucapan tahniah kepada para Pegawai Kadet yang telah berjaya melalui program latihan yang merupakan ujian pelbagai aspek keupayaan fizikal dan mental serta keperibadian. Saya yakin bahawa upacara perbarisan pagi ini adalah sumber inspirasi yang mendorong bakal pelatih dan golongan belia bagi mempertingkatkan iltizam untuk mencapai kecemerlangan peribadi.

My congratulations to the Officer Cadets who have successfully undertaken the training programme that represents a test of various physical and mental capabilities as well as personality. I believe that this morning's parade is a source of inspiration to encourage prospective trainees and youth groups to raise their level of commitment towards achieving

personal excellence.

Kepada Sekolah Pegawai Kadet serta gandingan padu tenaga pengajar dari dalam dan luar negara, setentunya kejayaan pada hari ini adalah penanda aras kepada usaha-usaha berterusan membangun kapasiti sekolah dan membina reputasinya sebagai institusi latihan ketenteraan yang setanding dengan negara dunia lainnya.

For the Officer Cadet School as well as the close partnership of the local and foreign trainers, obviously today's achievement represents a milestone in the continuous efforts to develop the school's capacity and build its reputation as a military training institution on par with those of other nations throughout the world.

Kejayaan Pegawai Kadet menjiwai dan mengamalkan sepenuhnya sifat, nilai jati diri serta kepimpinan yang ditanamkan di sepanjang latihan dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan yang akan seterusnya mencerminkan keupayaan dan kejayaan berterusan Sekolah Pegawai Kadet ini.

The success of the Officer Cadets in fully taking to heart and putting into practice the qualities, personal values as well as leadership inculcated throughout their training in the discharge of their responsibilities and obligations, reflects upon the capability and continued success of this Officer Cadet School.

Setentunya kewujudan Sekolah Pegawai Kadet yang memiliki calak dan identitinya yang tersendiri selayaknya akan mendasari motivasi bagi semua pihak untuk terus berusaha meningkatkan lagi prestasi dan imej institusi ini secara keseluruhannya sesuai dengan moto 'Setia, Taqwa dan Berani' dalam bersama-sama mengharungi cabaran menurut peredaran semasa.

Certainly, the existence of this Officer Cadet School with its own character and unique identity will of itself become a basis for the motivation of all parties to continue endeavoring to further raise the entire performance and image of this institution as befits the motto 'Loyalty, Commitment and Courage' in coming together to meet the challenges of the changing times.

Saya gembira mengambil maklum bahawa perbarisan pada pagi ini juga merupakan satu perbarisan yang amat bermakna kerana buat julung kalinya Pegawai Kadet Pengambilan Kedua memakai pakaian seragam baru yang melambangkan identiti tersendiri institusi ini.

I am pleased to note that this morning's parade is a most significant parade, for it is the first time that the Officer Cadets of the Second Intake are donning new uniforms which signify the institution's own identity.

Di sebalik pencapaian ini, saya mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan serta Sekolah Pegawai Kadet ini agar sentiasa peka dan sensitif terhadap perkembangan serta perubahan semasa dari dimensi ketenteraan, keperluan prasarana dan aset serta kaedah kepimpinan terkini.

With this achievement, I would like to remind the relevant parties as well as the Officer Cadet School to always be alert and sensitive to current developments and changes in terms of military dimensions, infrastructural and asset requirements as well as the latest leadership

methodologies.

Berasaskan perkembangan dan keperluan inilah, pihak-pihak yang berkenaan sehendaknya secara dinamik bertindak serta memperkenalkan pembaharuan strategik yang sekali gus memastikan menjurus pencapaian visi dan misi penubuhannya.

Based upon these developments and requirements, the relevant parties should act dynamically and introduce strategic reforms that will lead towards the accomplishment of the vision and mission that has been established.

Perkara ini adalah penting dengan aspirasi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi mempertingkatkan tahap profesionalisme anggotanya melalui pembangunan program-program Life-long Learning dan Continuous Professional Development yang relevan serta sistematik bagi pelbagai peringkat warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei secara tempatan.

This is in line with the aspiration of the Ministry of Defence and Royal Brunei Armed Forces to raise the level of professionalism of its personnel through the development locally conducted 'Life-long Learning' and 'Continuous Professional Development' programmes which are both relevant and systematic for the various ranks of the Royal Brunei Armed Forces.

Akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kesemua 17 orang Pegawai Kadet lepasan pengambilan kedua yang akan seterusnya ditauliahkan menjadi Pegawai Tauliah Tetap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Finally, I would once again like to offer my highest praise and congratulations to the 17 Officer Cadet graduates of the second intake who will subsequently become fully Commissioned Officers in the Royal Brunei Armed Forces.

Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala agar setiap langkah dan usaha yang direncana dan dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya, demi kedaulatan negara, bangsa dan ugama akan sentiasa mendapat rahmat dan petunjuk-Nya jua.

I pray to Allah The Almighty that every measure and endeavour planned and implemented by the Ministry of Defence and the Royal Brunei Armed Forces, particularly those that uphold the sovereignty of our nation, race and religion will always receive His blessings and guidance.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warhamatullahi Wabarakatuh.